

Headline	Status tunai haji diumum minggu depan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Jun 2020	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	2	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	153 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,027
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,082



Status tunai haji diumum minggu depan

Status mengenai kebernaran menunaikan haji bagi jemaah negara akan diumumkan minggu hadapan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Dalam kenyataan hari ini, beliau berkata, satu mesyuarat bersama Lembaga Tabung Haji (TH) sebagai penyelaras jemaah haji Malaysia mengenai perkara itu diadakan baru-baru ini.

"Hasil mesyuarat akan dibentangkan dalam Kabinet kemudian dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Keputusan perbincangan akan diumumkan minggu hadapan," katanya.

Sementara itu, jemaah haji negara masih menaruh harapan untuk menunaikan ibadat itu

tahun ini.

Che Pah Zainon, 69, dari Kulim, Kedah berkata, tetap berlapang dada dan menerima sebarang keputusan dibuat kerajaan susulan pandemik Covid-19 yang belum berakhir.

Kisah Che Pah pernah tular di media sosial sebelum ini apabila penyeawa yang menetap di rumah lamanya gigih menjelaknya untuk menyerahkan surat panggilan menunaikan haji.

"Segala persiapan untuk ke Tanah Suci sudah dibuat termasuk pasport, sebaik menerima surat panggilan itu. Sekarang ini mak cik hanya tunggu jawapan rasmi daripada TH mengenai ibadat haji, sama ada diteruskan atau tidak.

"Apa pun keputusannya, mak cik terima dengan hati terbuka walaupun menyimpan impian menunaikan haji sejak sekian lama," katanya ketika dihubungi Harian Metro.



“
**Keputusan
perbincangan
akan diumumkan
minggu hadapan**
**Dr Zulkifli Mohamad
Al-Bakri**